

**HALA TUJU GRADUAN VOKASIONAL: KAJIAN KE ATAS KEPERLUAN
DAN KESESUAIAN KURSUS ELEKTRIKAL DI INSTITUT KEMAHIRAN
BELIA NEGARA (IKBN)**

Oleh

MOHAMED NIZAM BIN MOHAMED SALLEH

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains**

April 2008

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang membantu dalam penyelesaian tesis ini. Pertama, kepada penyelia utama, Professor Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz yang membantu, membimbing dan memberi tunjuk ajar sepanjang proses penyiapan tesis ini. Seterusnya, kepada penyelia kedua, Dr. Mastura Jaafar dalam memberi idea dan pandangan terutamanya aspek analisis data.

Ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan dan kakitangan yang terlibat sepanjang proses mendapatkan maklumat terutamanya berkaitan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Tidak lupa juga kepada semua rakan-rakan dan kakitangan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang membantu dalam menyalurkan maklumat berkaitan kajian ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih kepada isteri, Noor Hayati Zazuli dan anak tersayang, Nurul Farhah Hamizah, ibu bapa serta keluarga atas galakan dan inspirasi sepanjang proses penyiapan kajian ini.

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iii
Senarai Jadual	viii
Senarai Gambarajah	x
Abstrak (Bahasa Malaysia)	xi
Abstrak (Bahasa Inggeris)	xii
BAB 1 - PENGENALAN	
1.1 Latarbelakang	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Persoalan Kajian	3
1.4 Tujuan dan Objektif	4
1.5 Ringkasan Metodologi Kajian	5
1.6 Implikasi dan keperluan Kajian	5
1.7 Ringkasan Bab dalam Tesis	6
BAB 2 – KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	7
2.2 Definasi Latihan Vokasional	7
2.3 Senario Latihan Vokasional Di Serata Dunia	8
2.4 Peranan Pihak Kerajaan dalam Pembangunan Latihan Vokasional	10

2.5	Vokasional Dan Sumbangan Kepada Pembangunan Ekonomi	12
2.6	Peranan Latihan Vokasional dalam Mengatasi Masalah Pengangguran	13
2.7	Latihan Vokasional dan Kesan Kepada Lulusan	14
	2.7.1 Imej	15
	2.7.2 Pekerjaan	15
	2.7.3 Pendapatan	17
	2.7.4 Kursus Lanjutan	17
2.8	Kesimpulan	18
BAB 3 – SENARIO LATIHAN VOKASIONAL DI MALAYSIA		
3.1	Pengenalan	19
3.2	Sejarah dan Latarbelakang	19
3.3	Pembangunan Modal Insan	27
3.4	Keperluan Tenaga Kerja Di Malaysia	31
3.5	Institusi Latihan Kemahiran	32
	3.5.1 Institut Kemahiran Belia Negara	34
	3.5.2 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia	35
	3.5.3 Institut Kemahiran MARA	37
	3.5.4 Pusat GIATMARA	38
3.6	Badan-Badan Persijilan	41
	3.6.1 Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan	41
	3.6.2 Suruhanjaya Tenaga	42
3.7	Persijilan Kursus Elektrikal	44
3.8	Kesimpulan	47

BAB 4 – METODOLOGI

4.1	Pengenalan	48
4.2	Matlamat Kajian	48
4.3	Kaji Selidik	49
	4.3.1 Borang Kaji Selidik	49
4.4	Populasi dan Sampel	54
4.5	Kadar Maklumbalas	57
4.6	Pengumpulan Dan Analisis Data	57
4.7	Kesimpulan	59

BAB 5 – KEPUTUSAN

5.1	Pengenalan	60
5.2	Profil dan Maklumat Peribadi Responden	60
5.3	Maklumat Pengajian Responden	61
	5.3.1 Lokasi Institusi Latihan Kemahiran (IKBN) dan Kursus yang Diikuti	61
	5.3.2 Sebab Memasuki Institusi Latihan Kemahiran	62
	5.3.3 Bagaimana Responden Mendapat Maklumat Berkaitan Kursus yang Diambil	63
	5.3.4 Penilaian Terhadap Modul-Modul yang Diikuti	64
	5.3.5 Tahun Mula Pengajian	65
	5.3.6 Kursus Lanjutan	66
5.4	Maklumat Pekerjaan Responden	67
	5.4.1 Kategori Syarikat dan Lokasi Syarikat	67
	5.4.2 Status Pekerjaan dan Sektor Pekerjaan	68
	5.4.3 Jenis/Gelaran Jawatan	69

5.4.4	Gaji	70
5.4.5	Tempoh Menunggu Sebelum Mendapat kerja	70
5.4.6	Maklumat Pekerjaan Berbanding Kursus yang Diikuti	71
5.4.7	Sebab Responden Memilih untuk Tidak Bekerja	73
5.5	Peranan dan Keberkesanan Program Latihan Vokasional di Malaysia	73
5.5.1	Program Latihan	75
5.5.2	Graduan	76
5.5.3	Keperluan Industri	77
5.6	Kesimpulan	78
BAB 6 – PERBINCANGAN		
6.1	Pengenalan	79
6.2	Analisis Profil Responden	79
6.3	Analisis Pengajian Responden	80
6.4	Analisis Pekerjaan Responden	82
6.5	Analisis Maklumat Umum Program Latihan Vokasional	86
6.6	Kesimpulan	90
BAB 7 – RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN MASA DEPAN		
7.1	Pengenalan	91
7.2	Pencapaian Objektif Kajian	91
7.3	Rumusan Hasil Kajian Secara Am	92
7.4	Cadangan Kepada Kerajaan	94
7.5	Cadangan Kepada Institusi Latihan Kemahiran	94
7.6	Cadangan Kepada Graduan	95

7.7	Cadangan Kepada Masyarakat dan Majikan	96
7.8	Cadangan Kajian Masa depan	96
	RUJUKAN	98
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 3.1 – Statistik keluaran sumber manusia 2000 – 2010	30
Jadual 3.2 : Jumlah pekerjaan yang ditawarkan di Malaysia mengikut sektor	31
Jadual 3.3 : Jumlah program mengikut jenis pusat bertauliah bagi pusat bertauliah aktif	33
Jadual 3.4 : Senarai Institut Kemahiran Belia Negara	35
Jadual 3.5 : Senarai Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia	36
Jadual 3.6 : Senarai Institut Kemahiran MARA	37
Jadual 3.7 : Senarai Pusat GIATMARA	39
Jadual 3.8 : Senarai modul latihan bagi kursus pendawaian elektrik	46
Jadual 4.1 : Persoalan dan kenyataan yang diuji dalam borang kaji selidik	52
Jadual 4.2: Jumlah sampel	56
Jadual 4.3 : Kadar maklumbalas borang kaji selidik	57
Jadual 5.1: Profil responden	61
Jadual 5.2: Lokasi institusi latihan kemahiran (IKBN)	62
Jadual 5.3: Sebab memasuki institusi latihan kemahiran	63
Jadual 5.4: Bagaimana responden mendapat maklumat berkaitan kursus yang diambil	63
Jadual 5.5: Penilaian terhadap modul-modul yang diikuti	65
Jadual 5.6: Tahun mula pengajian	66
Jadual 5.7: Kursus lanjutan	66
Jadual 5.8: Kategori syarikat dan lokasi syarikat	68
Jadual 5.9: Status pekerjaan dan sektor pekerjaan	69

Jadual 5.10: Jenis/gelaran jawatan	69
Jadual 5.11: Analisis penjadualan silang antara jenis kursus dan gaji	70
Jadual 5.12: Tempoh menunggu sebelum mendapat kerja	71
Jadual 5.13: Maklumat pekerjaan berbanding kursus yang diikuti	72
Jadual 5.14: sebab memilih untuk tidak bekerja	73
Jadual 5.15: Maklumat umum	74

SENARAI GAMBARAJAH

Muka Surat

Gambarajah 3.1: Carta alir program Persijilan Kemahiran Malaysia bagi bidang Juruelektrik	42
Gambarajah 3.2: Carta alir program Suruhanjaya Tenaga bagi bidang Pendawaian Elektrik.	44
Gambarajah 4.1 : Lokasi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)	55

**HALA TUJU GRADUAN VOKASIONAL: KAJIAN KE ATAS KEPERLUAN
DAN KESESUAIAN KURSUS ELEKTRIKAL DI INSTITUT KEMAHIRAN
BELIA NEGARA (IKBN)**

ABSTRAK

Sejak beberapa dekad yang lalu, Malaysia mengalami kekurangan tenaga buruh mahir dan separuh mahir terutamanya dalam bidang teknikal. Bidang kerja ini kurang popular kerana dikaitkan dengan imej yang tidak menarik seperti persekitaran kerja dan personaliti pekerja yang kurang diminati para belia. Latihan vokasional dan teknikal melalui institusi latihan kemahiran telah diperkenalkan sebagai salah satu usaha untuk melahirkan dan membentuk belia mahir dalam pelbagai bidang kemahiran. Ini seterusnya dapat membantu menyumbang kepada penawaran pekerja separuh mahir dan mahir bagi memenuhi sektor pembangunan dan perindustrian negara. Kajian ini melihat kepada keperluan dan kesesuaian kursus dalam bidang elektrik yang telah dilaksanakan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Ia menjurus kepada program latihan vokasional yang telah dilaksanakan di Malaysia dan hala tuju graduan yang telah menamatkan kursus pendawaian elektrik satu fasa di IKBN. Data-data bagi kajian ini diperolehi dari soalan-soalan kajiselidik yang dihantar kepada graduan-graduan yang telah menamatkan latihan dengan menjurus kepada graduan bidang elektrik. Daripada 457 borang kajiselidik telah dikirim, 94 daripadanya telah dikembalikan dengan peratusan 20.57%. Hasil kajian mendapati kursus elektrik di IKBN memenuhi keperluan graduan. Akibatnya, hampir kesemua kekal dalam pekerjaan yang mereka diberi latihan.

**DIRECTIONS OF VOCATIONAL GRADUATES: A RESEARCH ON THE
NECESSITY AND RELEVANCE OF THE ELECTRICAL WORKS COURSE
IN INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN)**

ABSTRACT

Malaysia has been facing a shortage of skilled and semi-skilled labour force, especially in the skilled and technical fields over the last few decades. These work fields are less popular because of their association with unattractive image such as work environment and workers personality that disinterest the youths. Various vocational and technical training through skill training institutes have been introduced as an effort to generate and mould skilled youths in various technical fields. And in doing so, help contribute towards the supply of semi-skilled and skilled workers to meet the needs of the national industrial and development sectors. This research looked into the necessity and appropriateness of the electrical works course implemented by the Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). It focused on the vocational training programme in Malaysia and the directions of graduates who had completed phase one electrical wiring course from IKBN. Data were collected through questionnaires sent to graduates who had completed the electrical wiring course. Out of the 457 questionnaires that were sent out, 94 were returned, representing a response rate of 20.57%. The results of this thesis show that the electrical course at IKBN meets the needs of the graduates. As a result, almost all of them remain in the jobs they were trained in.

BAB 1 – PENGENALAN

Tesis ini membincangkan keperluan dan kesesuaian program latihan vokasional yang telah dilaksanakan di institusi latihan kemahiran awam dengan tumpuan kajian ke atas graduan bidang elektrik Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Permulaan bab ini adalah berkaitan latar belakang kajian, diikuti dengan permasalahan kajian dan persoalan kajian. Seterusnya, tujuan dan objektif kajian dimuatkan dan disusuli ringkasan metodologi kajian yang digunakan. Implikasi dan keperluan kajian kemudiannya dimuatkan dan diikuti ringkasan bab dalam tesis di akhiran bab.

1.1 Latarbelakang

Malaysia telah mengalami masalah kekurangan tenaga kerja terutamanya dalam sektor pembinaan sejak penghujung era 1980-an (Abdul-Aziz, 1995). Masalah ini dilihat berlanjutan sehingga era 1990-an yang seterusnya mengakibatkan kemasukan buruh asing secara besar-besaran yang tertumpu terutamanya di bandar-bandar utama di Malaysia. Penglibatan kerajaan Malaysia secara aktif dalam membangun program latihan vokasional secara berterusan dilihat sebagai usaha bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja yang berkemahiran (Hee, 1994). Terdapat beberapa institusi latihan vokasional awam di Malaysia yang menawarkan pelbagai kursus termasuk kursus-kursus elektrik bagi memenuhi keperluan industri dan sektor pekerjaan. Institusi-institusi tersebut termasuk Institut Latihan Perindustrian di bawah kelolaan Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia, Institut Kemahiran Mara dan GIATMARA di bawah Kementerian Pembangunan dan Keusahawanan dan Akademi Binaan Malaysia di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (Abdul-Aziz, 2002).

1.2 Permasalahan Kajian

Latihan vokasional dan teknikal telah dilihat sebagai satu pendekatan positif dalam usaha untuk menangani masalah kekurangan tenaga kerja yang berkemahiran. Penambahan bilangan kontraktor dan kemajuan sektor industri pembinaan telah mewujudkan lebih peluang pekerjaan selaras dengan peningkatan ekonomi semasa. Penubuhan institusi-institusi latihan baru secara berterusan di bawah kelolaan pelbagai Kementerian termasuk penambahan bilangan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dilihat sebagai salah satu usaha dalam menarik lebih ramai golongan belia dilengkapi dengan kemahiran vokasional dan teknikal. Kenyataan ini dibuktikan dari statistik yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi melalui dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan pada tahun 2006 dengan peningkatan keluaran sumber manusia mahir dan separuh mahir institusi latihan kemahiran awam dan swasta dari tahun 2000 sehingga tahun 2005 pada kadar purata 13.2 peratus dan 12.1 peratus setahun. Hasil kajian Glover dan Bilginsoy (2005) juga mendapati peningkatan jumlah perantis yang mengikuti program latihan vokasional semakin meningkat dengan bidang elektrik mencatatkan bilangan perantis yang tertinggi. Persoalan yang menarik untuk dibincangkan, adakah institusi-institusi latihan yang menyediakan latihan vokasional memenuhi keperluan industri pekerjaan? Secara spesifiknya, ke manakah hala tuju graduan-graduan institusi latihan vokasional setelah mereka menamatkan latihan masing-masing. Kenyataan di atas menjurus kepada keberkesanan program latihan yang telah diikuti dan sejauh mana ianya dapat membantu golongan belia dalam memperoleh pekerjaan bersesuaian dengan kemahiran dan persijilan yang dimiliki.

1.3 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan menarik yang boleh dikupas berkaitan latihan vokasional dan sumbangannya kepada pembangunan sektor pekerjaan dan ekonomi. Merujuk kepada persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh penulis-penulis terdahulu tentang latihan vokasional, Ziderman (1997) dalam penulisannya berkaitan latihan vokasional terutama di negara-negara membangun membincangkan adakah tahap semasa latihan vokasional dan teknikal sesuai dengan permintaan ekonomi semasa? Adakah ianya berkesan dan membawa hasil? Bolehkah program pembangunan kemahiran di institusi latihan menyediakan graduan terbaik bagi memenuhi peningkatan dan pembangunan ekonomi semasa dan bagaimana peranan latihan vokasional terhadap perubahan teknologi dan pembangunan semasa.

Mustapha dan Greenan (2002) dan Vouri dan Vesalainen (1999) pula membincangkan apakah sumbangan latihan vokasional kepada pembangunan ekonomi, khususnya permintaan pasaran buruh manakala Ducray (1979) juga menimbulkan persoalan yang hampir sama iaitu hubungan di antara program-program latihan dan keperluan kerja. Merujuk kepada persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan oleh kajian-kajian lepas, ianya menjurus kepada keperluan program latihan vokasional yang telah dilaksanakan dan hala tuju graduan lepasan latihan vokasional, relevankah program yang telah dilaksanakan dan bagaimana taraf hidup graduan selepas mereka menamatkan latihan berbanding tahap ekonomi semasa.

1.4 Tujuan dan Objektif

Tujuan kajian ini dibuat adalah bagi menilai keperluan dan kesesuaian kursus dalam bidang elektrik yang telah dilaksanakan di institusi latihan kemahiran awam secara spesifiknya Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Penilaian yang dibuat menjurus kepada program latihan kemahiran atau vokasional dalam bidang elektrik yang telah diwujudkan di Malaysia bagi membantu masyarakat terutama golongan belia dalam memperoleh kemahiran berasaskan pekerjaan secara formal di institusi. Kajian ini telah dilaksanakan dengan sasaran untuk mengenalpasti keperluan dan kesesuaian kursus yang telah diikuti oleh graduan lepasan latihan vokasional jika dibandingkan dengan persekitaran kerja semasa. Di samping itu, graduan telah ditanya mengenai hala tuju setelah mereka menamatkan latihan masing-masing dan beberapa maklumat pekerjaan semasa. Fokus kajian ini adalah melibatkan graduan kursus pendawaian elektrik satu fasa dari Institut Kemahiran Belia Negara. Selain persoalan berkaitan pekerjaan graduan, beberapa maklumat lain turut diuji. Ini termasuklah maklumat jantina graduan, sebab-sebab mengikuti kursus dan pandangan berkaitan modul pembelajaran yang telah diikuti semasa di institusi. Graduan juga ditanya berkaitan tahap gaji semasa, tempoh menunggu sebelum mendapat kerja dan pendapat tentang beberapa persoalan umum merujuk kepada program latihan vokasional yang telah dilaksanakan di Malaysia.

Secara rumusan, objektif kajian ini adalah :-

- 1) bagi memperoleh maklumat berkaitan program latihan kemahiran yang meliputi penilaian terhadap pembelajaran di institusi dan hala tuju graduan-graduan lepasan latihan vokasional institusi latihan kemahiran awam dalam bidang elektrik.

- 2) bagi mendapatkan pandangan graduan berkaitan keberkesanan program latihan kemahiran yang telah mereka ikuti di samping cadangan bagi mempertingkatkan imej dan kualiti latihan kemahiran sejajar dengan peredaran zaman yang semakin kompetitif.

1.5 Ringkasan Metodologi Kajian

Maklumat yang diperolehi bagi kajian ini adalah daripada borang kajiselidik yang telah dikirim. Data telah dianalisis secara kuantitatif menggunakan skala Likert 5-mata. Borang kaji selidik telah dikirim kepada graduan yang telah mengikuti kursus pendawaian elektrik satu fasa di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dari tahun 2000 sehingga 2004. Graduan yang dipilih adalah daripada empat buah IKBN (IKBN Bukit Mertajam, Pulau Pinang, IKBN Dusun Tua, Selangor, IKBN Wakaf Tapai, Terengganu dan IKBN Alor Gajah, Melaka) yang menawarkan kursus pendawaian elektrik satu fasa. Daripada 457 borang kajiselidik yang telah dikirim, 94 daripadanya telah dikembalikan dengan peratusan 20.57%.

1.6 Implikasi dan Keperluan Kajian

Kajian ini dibuat adalah bagi menilai keperluan dan keberkesanan program latihan vokasional bidang elektrikal yang dilaksanakan di institusi latihan kemahiran awam secara spesifiknya Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Maklumat daripada kajian ini akan membolehkan beberapa informasi berguna diperolehi dan seterusnya dapat digunakan bagi membolehkan penilaian dan analisis terhadap program latihan vokasional dibuat. Selain itu, maklumat yang diperolehi akan membolehkan penambahbaikan terhadap program latihan vokasional sedia ada dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa dan seterusnya menyumbang ke arah memantapkan program yang telah dilaksanakan.

1.7 Ringkasan Bab dalam Tesis

Bab ini adalah berkaitan pengenalan kepada kajian. Bab 2 membincangkan kajian ke atas program latihan vokasional secara literatur meliputi senario latihan vokasional di seluruh dunia dan kesan latihan vokasional kepada lepasan ataupun graduan merujuk kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan. Bab 3 membincangkan situasi latihan vokasional di Malaysia termasuk institusi latihan yang menawarkan program latihan vokasional melalui badan-badan persijilan bertauliah. Metodologi kajian dibentangkan dalam bab 4 berserta kaedah pemilihan sampel kajian yang telah ditetapkan. Seterusnya, bab 5 adalah berkaitan keputusan yang telah diperoleh daripada borang kajiselidik yang diterima. Analisis terhadap keputusan kajian dan perbincangan dimuatkan dalam bab 6 sementara bab 7 adalah berkaitan rumusan kajian dan diikuti cadangan kajian pada masa depan.

BAB 2 – KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan kajian secara literatur ke atas latihan vokasional dari aspek pelaksanaan dan pembangunan latihan. Bab ini meliputi definasi latihan vokasional, senario latihan vokasional melibatkan beberapa negara maju dan membangun, cabaran terhadap latihan vokasional dan sumbangan latihan vokasional kepada pertumbuhan ekonomi semasa.

2.2 Definasi Latihan Vokasional

Latihan vokasional dapat didefinisikan sebagai kaedah pembelajaran berasaskan pekerjaan yang dapat meningkatkan kemahiran dan produktiviti seseorang melalui pusat latihan, institusi dan persekitaran tempat kerja (Tsang, 1999). Menurut Deraman et al. (2002) dan Carnoy (1994), latihan vokasional adalah pengetahuan dan kemahiran berdasarkan bidang pekerjaan yang diperolehi atau dibangunkan melalui proses pembelajaran. Pendapat yang hampir sama diutarakan oleh Deissinger (1996) dan Ziderman (1997) mengenai latihan vokasional, merujuk kepada peranan badan-badan dan institusi yang terlibat dalam melayakkan generasi muda memasuki sektor pekerjaan yang memerlukan kemahiran.

Mustapha dan Greenan (2002) berpendapat secara amnya, latihan vokasional adalah satu kaedah dan tempat melahirkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran tertentu, walaubagaimanapun dalam persekitaran era ekonomi baru, latihan vokasional dilihat dan diharapkan dapat melahirkan pekerja yang berkemahiran dan bermotivasi tinggi. Merujuk kepada definasi yang telah diberikan, Mustapha dan Greenan (2002) membuat kesimpulan bahawa objektif latihan vokasional adalah proses mengajar

dan mendidik pelajar berkompeten dalam bidang-bidang kemahiran baru ataupun penambahan tahap kemahiran sedia ada bagi meningkatkan kapasiti dan produktiviti kerja. Sebagai kesimpulannya, definasi yang diberikan oleh Mustapha dan Greenan (2002) dilihat lebih tepat dan menyeluruh.

2.3 Senario Latihan Vokasional Di Serata Dunia

Latihan vokasional dan teknikal telah menjadi agenda penting di kebanyakan negara serata dunia terutama peringkat pengajian menengah atas dan peringkat pengajian tinggi (Tilak, 2002). Menurut Oketch (2007), latihan vokasional dan teknikal telah dilaksanakan di hampir semua negara Afrika yang melibatkan pembelajaran secara formal. Di Finland, latihan vokasional dilihat sebagai proses latihan utama kepada pekerja pasaran buruh, di mana melibatkan latihan vokasional peringkat asas, lanjutan dan latihan semula kepada pekerja. (Vouri dan Vesalainen, 1999).

Di Jerman, Deissinger (1996), Clarke dan Wall (1996) dan Bals (1999) menyatakan latihan vokasional 'dwi-sistem' (dual system) telah diperkenalkan merujuk kepada kaedah latihan di institusi latihan vokasional dan latihan di tempat kerja. Sistem latihan ini menyediakan graduan untuk memperoleh pengalaman dan kelayakkan vokasional di kedua-dua situasi yang berbeza iaitu di institusi dan di tempat kerja. Sistem latihan yang hampir sama digunakan di Switzerland (Silvestre, 1991; Hanhart dan Bossio, 1998) dan di Georgia (Smith,1997) merujuk kepada sistem latihan kepada perantis bagi memperlengkapkan seseorang dengan kemahiran vokasional dan teknikal melalui latihan di institut dan industri.

Menurut Wolf dan Rapiau (1993) dan Bennet dan Glennerster (1995) dalam penulisan mereka menyatakan kerajaan British telah memperkenalkan sistem latihan belia kepada belia di antara 16-17 tahun dengan penyediaan program yang memberi latihan vokasional berkaitan dengan bidang pekerjaan. Program latihan vokasional merujuk kepada belia-belia lepasan sekolah juga telah diperkenalkan di Australia (Saha, 1985). Beliau berpendapat para pelajar kebiasaannya akan memilih untuk mengikuti latihan vokasional jika gagal melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi disebabkan kelulusan rendah dan masalah kewangan.

Smith (1997) dan Glover dan Bilginsoy (2005) dalam kajian mereka menyatakan program perantis melibatkan belia juga telah diperkenalkan di Amerika Syarikat bagi memperlengkap dan memahirkan golongan belia dengan kemahiran kerja yang sesuai. Hasil daripada kajian Glover dan Bilginsoy (2005) dari tahun 1996-2003, mendapati 75 peratus perantis menyertai program yang melibatkan industri pembinaan dengan bidang elektrik mencatat bilangan perantis tertinggi. Menurut Stockmann (1997) dalam kajiannya di Amerika Latin, menunjukkan latihan vokasional adalah sebagai penawar kepada masalah kekurangan pekerja mahir dalam industri pekerjaan moden. Malah, pelbagai usaha telah diadakan bagi mengekalkan pembangunan latihan vokasional di negara-negara tersebut.

Latihan vokasional dan teknikal telah dijadikan sebahagian daripada program pendidikan selain pendidikan akademik di negara-negara Asia (Tilak, 2002). Walaupun terdapat perbezaan dari segi infrastruktur dan pelaksanaan, pembangunan berterusan program latihan vokasional telah dijadikan agenda penting di kebanyakan negara-negara Asia. Di Malaysia, pewujudan sistem latihan vokasional yang diselia melalui badan-badan awam adalah bagi mendedahkan belia-

belia dengan kemahiran vokasional di samping membantu mereka mendapat peluang pekerjaan (Tzannatos dan Johnes, 1997). Pembangunan sistem pendidikan di Malaysia telah bermula sejak kemerdekaan pada tahun 1957 dan termasuk penubuhan institusi-institusi latihan kemahiran bagi merealisasikan matlamat mencapai status negara maju (Hashim, 2001).

2.4 Peranan Pihak Kerajaan dalam Pembangunan Latihan Vokasional

Pembangunan program latihan vokasional dan teknikal telah menjadi satu tajuk penting dalam usaha memperlengkapkan golongan muda dengan kemahiran yang dapat memberi peluang pekerjaan bagi menempuhi cabaran mendatang. Penglibatan pihak kerajaan di kebanyakan negara-negara di serata dunia dalam menyediakan latihan dan sokongan berterusan kepada pihak swasta dalam mengendalikan program latihan vokasional adalah merupakan salah satu usaha penting bagi meningkatkan taraf ekonomi masing-masing.

Di beberapa negara Eropah, peranan pihak kerajaan dilihat secara berterusan dalam penyediaan dan pembangunan program latihan vokasional. Merujuk kepada penulisan McBride et al. (2004), Denmark dan Ireland Utara adalah merupakan dua negara Eropah yang mempunyai sistem latihan vokasional yang dibiayai oleh kerajaan masing-masing. Manakala menurut Clarke dan Wall (1996) sistem latihan di British juga dibiayai oleh pihak kerajaan dengan sokongan dan pimpinan dari pihak majikan. Penglibatan pihak kerajaan dalam pembangunan program latihan vokasional di Jerman dilihat sebagai salah satu kaedah bagi memastikan kualiti latihan dapat dikekalkan mengikut piawaian yang ditetapkan (Deissinger, 1996).

Kajian oleh Tzannatos dan Johnes (1997) mengenai pembangunan latihan dan kemahiran di Negara-negara Asia di mana sektor perindustrian berkembang dengan pesatnya, penglibatan kerajaan dalam menyediakan pendidikan dan latihan vokasional adalah satu usaha penting dalam pembangunan latihan vokasional dan seterusnya membantu pembangunan negara masing-masing. Pendapat yang sama diutarakan oleh Ziderman (1997), di mana pihak kerajaan terutamanya di negara-negara membangun melihat saiz sektor latihan vokasional memainkan peranan penting dalam pembangunan negara masing-masing di samping sektor yang membekalkan pekerja mahir kepada pembangunan industri yang semakin berkembang.

Tzannatos dan Johnes (1997) dalam kajiannya di negara Korea, Malaysia, Singapura dan Taiwan menunjukkan kepentingan penglibatan kerajaan masing-masing dalam menyediakan pusat-pusat latihan dan program pembangunan latihan kemahiran kepada rakyat. Mereka membuat kesimpulan dengan menyatakan penglibatan kerajaan dalam membangunkan latihan kemahiran di negara-negara tersebut memberi hasil positif sama ada dari sudut kuantiti atau kualiti. Sebagai tambahan kepada kenyataan di atas, Tilak (2002) mendapati Jepun dan Singapura adalah dua negara yang mempunyai infrastruktur dan pembangunan latihan vokasional yang terbaik di Asia, manakala bagi Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Sri Lanka berada pada paras sederhana. Sementara itu, di negara Bangladesh, Nepal, Pakistan dan Myanmar tahap pembangunan latihan vokasional berada pada paras yang agak rendah begitu juga bagi dua negara besar di Asia iaitu China dan India.

Menurut Kitaura (1998), kerajaan Jepun telah memperuntukan perbelanjaan kepada pusat-pusat latihan kemahiran awam di bawah program pembangunan sumber manusia yang menyediakan latihan vokasional jangka panjang dan jangka pendek. Di samping itu, kerajaan Jepun juga menyokong latihan yang dijalankan oleh sektor swasta dengan mentauliahkan pusat-pusat latihan yang memenuhi piawaian yang telah ditetapkan. Hee (1994) berpendapat penglibatan pihak kerajaan Malaysia dalam pembangunan latihan vokasional telah membantu mengatasi masalah kekurangan pekerja mahir. Malah, para belia harus beranggapan peluang mengikuti latihan vokasional adalah peluang dan sebagai satu cabaran dan bukan satu kegagalan apabila gagal meneruskan pengajian di bidang akademik.

2.5 Vokasional Dan Sumbangan Kepada Pembangunan Ekonomi

Pembangunan ekonomi terutama di negara-negara membangun telah menuju kepada perubahan pesat dalam dua dekad kebelakangan ini. Perubahan ini telah mewujudkan permintaan lebih tinggi kepada mereka yang mempunyai pelbagai kemahiran, kreatif dan mampu menyesuaikan diri dengan tahap pasaran kerja yang semakin meningkat (Tabbron dan Yang, 1997). Merujuk kepada kenyataan ini, Tabbron dan Yang (1997) dan Yang (1997) berpendapat pembangunan ekonomi berterusan bagi latihan vokasional dan teknikal telah menjadi salah satu strategi penting bagi negara-negara maju dan membangun dan seterusnya memenuhi keperluan sosial dan ekonomi yang semakin berkembang. Kenyataan di atas disokong oleh Foster (2002) yang menyatakan pembelajaran merujuk kepada latihan vokasional memainkan peranan penting dan sebagai salah satu faktor penting dalam perkembangan ekonomi.

Ekonomi dunia dapat dikatakan semakin kompetitif dan global (Lee, 2000). Peningkatan ekonomi mengakibatkan pembangunan modal insan dan taraf hidup penduduk melalui latihan vokasional dan teknikal perlu dipergiatkan bagi menyahut perubahan yang mendatang. Trzcinski dan Randolph (1991) dan Lee (2000) memperkatakan pendekatan yang telah dilakukan oleh sesebuah negara bagi meningkatkan kualiti latihan sesuai dengan sektor pekerjaan dan seterusnya mengalakkan pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, mereka berpendapat kaedah dan penyelesaian terbaik adalah dengan mewujudkan sistem latihan dan pembelajaran yang berkesan bagi memastikan kejayaan dapat dicapai oleh semua, terutama belia lepasan sekolah.

Jacoby dan Goldschmidt (1998), Jarvis (1997), Carnoy (1994) dan Neuman dan Ziderman (1991) dalam kajian masing-masing memperkatakan mengenai hubungan di antara latihan vokasional dan permintaan pasaran kerja. Seterusnya mereka bersetuju latihan vokasional memainkan peranan penting dalam memenuhi permintaan pekerjaan dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Manakala Middleton, Ziderman dan Adams (1995) pula berpendapat ekonomi dan persekitaran institusi mempengaruhi dan memberi kesan kepada pelbagai program pembelajaran dan latihan kemahiran dalam penulisan mereka.

2.6 Peranan Latihan Vokasional dalam Mengatasi Masalah Pengangguran

Di negara-negara Eropah, Sutherland (1998) memperkatakan masalah pengangguran belia semakin meningkat dari tahun 1970-an hingga 1990-an. Bagi mengatasi masalah ini, Sutherland (1998) dan Middleton dan Ziderman (1997) menyatakan golongan belia perlu dilengkapi dengan kemahiran bekerja melalui latihan vokasional.

Oketch (2007) dalam penulisannya menyatakan latihan vokasional dan teknikal adalah sebagai penawar kepada masalah pengangguran belia. Menurut Mustapha dan Greenan (2002), para pendidik dan majikan berpendapat latihan vokasional dan kemahiran secara keseluruhannya menyumbang kepada pembangunan sektor ekonomi dan pekerjaan. Selain itu, mereka juga berpendapat program latihan vokasional adalah lebih sesuai berbanding program akademik dalam membangun kemahiran-kemahiran baru dan kebolehan lepasan vokasional dalam penggunaan teknologi terkini.

Tilak (2002) dan McBride et al. (2004) dalam penulisan mereka menyatakan latihan vokasional dan teknikal adalah penting kepada pertumbuhan ekonomi. Malah, Tilak (2002) berpendapat taraf pengangguran akan menyusut, jika seseorang mempunyai kemahiran vokasional yang memenuhi kehendak pasaran. Justeru latihan vokasional dan tahap pembangunan ekonomi mempunyai kaitan antara satu sama lain dengan peranan berterusan latihan vokasional dalam membekalkan tenaga kerja berkemahiran bagi memenuhi keperluan sektor pekerjaan dan sebagai salah satu langkah mengatasi masalah pengangguran (Buyens dan Wouters, 2005).

2.7 Latihan Vokasional dan Kesan Kepada Lulusan

Terdapat pelbagai persepsi di kalangan ibu bapa dan generasi muda mengenai latihan vokasional dan peluang lulusan latihan vokasional memperoleh peluang pekerjaan terutama di zaman yang semakin mencabar dan moden. Perubahan teknologi yang semakin pesat mengakibatkan ramai ibu bapa berpendapat pendidikan akademik di peringkat tinggi dapat menjamin taraf hidup anak-anak mereka di samping peluang pekerjaan yang lebih luas. Latar belakang keluarga

mempengaruhi keputusan belia memilih kursus yang akan diikuti (Heinz et al., 1998).

2.7.1 Imej

Kebanyakan golongan pelajar sekarang melihat penglibatan mereka dalam bidang vokasional mempengaruhi imej di samping kerjaya yang dianggap kurang popular dan tambahan pula mereka perlu melibatkan diri dalam kerja-kerja lasak (Fiori, 2003) Fiori (2003) dalam kajiannya juga memperkatakan bagaimana imej mempengaruhi masalah kekurangan pekerja mahir dalam industri pembinaan manakala menurut Catri (1998) imej yang baik datangnya dari program yang memenuhi keperluan pelajar, majikan dan masyarakat setempat. Malah, pelajar dan ibu bapa sendiri melihat latihan vokasional sebagai pilihan kedua apabila gagal memasuki institusi pengajian tinggi. (Middleton dan Ziderman, 1997).

Castro dan de Andrade (1990) mencadangkan beberapa pendapat bagi memperbaiki kesesuaian di antara program latihan dan permintaan semasa melalui pewujudan program yang diminati pelajar, memenuhi kehendak majikan dan penambahbaikan program mengikut kesesuaian pasaran kerja. Justeru, bagi menggalakkan belia lepasan sekolah memasuki sektor latihan vokasional, penambahbaikan dan usaha untuk mempergiatkan promosi perlu diadakan secara berterusan (Cockrill dan Scott, 1997).

2.7.2 Pekerjaan

Kajian oleh Holton III dan Trott (1996) membincangkan dua elemen penting iaitu program latihan vokasional dan pembangunan sumber manusia dalam pembangunan tenaga kerja terutama keperluan tenaga kerja masa hadapan. Mereka turut

berpendapat pentingnya sesuatu program yang diadakan mempunyai hubungan dengan sektor perniagaan dan industri di mana secara kesimpulannya program yang diadakan perlu mempunyai hubungan dan sesuai dengan persekitaran kerja. Oleh itu, Bunn dan Stewart (1998) dan Achtenhagen dan Oldenburger (1996) berpendapat untuk menjadi pekerja yang memenuhi permintaan pasaran kerja yang berprestasi tinggi, lepasan vokasional memerlukan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran di institusi yang bersesuaian dengan situasi tempat kerja sekarang.

Menurut Farla (2001) dan Heijke et al. (2003), hubungan dan kaitan di antara institusi latihan dan bidang pekerjaan graduan latihan vokasional adalah penting bagi mengelakkan ketidaksesuaian di antara latihan dan perubahan sektor pekerjaan. Kajian oleh Mustapha dan Greenan (2002) mendapati lepasan program latihan vokasional mempunyai lebih peluang pekerjaan jika dibandingkan dengan lepasan program akademik. Sebagai tambahan dari hasil kajian mereka, para pendidik dan majikan secara majoritinya bersetuju graduan lepasan vokasional telah cukup bersedia untuk memasuki sektor pekerjaan di Malaysia. Kenyataan di atas turut diutarakan oleh Konietzka (2003) di mana majoriti graduan latihan vokasional berpeluang tinggi mendapat pekerjaan pertama mereka seurus selepas menamatkan latihan.

Penulisan daripada Bennel (1996) mendapati kebanyakan graduan vokasional memilih untuk kekal dalam pekerjaan mengikut bidang yang dipelajari. Manakala menurut Neuman dan Ziderman (1991), majoriti daripada graduan program latihan vokasional bidang-bidang teknikal seperti elektrik, elektronik, mekanik dan kerja logam kekal bekerja dalam bidang pengajian masing-masing atau mendapat

pekerjaan yang berkaitan dengan bidang pengajian. Merujuk kepada bidang pekerjaan graduan latihan vokasional, beberapa bidang pekerjaan teknikal didominasi oleh lelaki seperti mekanik sementara wanita lebih tertumpu kepada pekerjaan di pejabat dan sektor perkhidmatan (Heinz et al., 1998). Kajian oleh Heinz et al. (1998) mendapati lepasan latihan vokasional yang bekerja dalam bidang yang dilatih mementingkan pekerjaan yang terjamin, persekitaran kerja yang sesuai dan gaji yang baik antara elemen penting dalam pekerjaan mereka.

2.7.3 Pendapatan

Kajian oleh Moenjak dan Worswicks (2003) mendapati graduan-graduan lepasan vokasional memperoleh pendapatan yang tinggi dan mereka mencadangkan pelaburan bagi mempertingkatkan latihan vokasional adalah satu usaha yang boleh mendatangkan faedah dan pulangan yang baik. Justeru, adalah penting bagi graduan latihan vokasional dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran khas seperti mekanikal, elektrik termasuklah kemahiran dalam bidang perniagaan.

Menurut Labarca (1998), latihan vokasional membantu meningkatkan pendapatan lepasan dan membolehkan mereka memperbaiki produktiviti kerja. Sementara Neuman dan Ziderman (1991) memperkatakan graduan latihan vokasional memperoleh pendapatan yang lebih secara purata sekiranya bekerja dalam bidang pengajian berbanding dengan graduan yang bekerja di luar bidang pengajian.

2.7.4 Kursus Lanjutan

Para pekerja beranggapan bahawa mereka perlu mempelajari pengetahuan dan kemahiran baru bagi mengelakkan kemungkinan kehilangan pekerjaan, mereka kebiasaannya merasakan perlu untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih

tinggi (Achtenhagen dan Oldenburger, 1996). Yang (1997) berpendapat menurut perspektif majikan, lebih tinggi tahap pengajian pekerja, lebih baik pencapaian mereka dalam pekerjaan. Heijke et al. (2003) dalam kajiannya turut berpendapat tahap persijilan graduan latihan vokasional adalah penting dalam mempengaruhi peluang graduan untuk kekal mendapat pekerjaan dalam bidang pengajian mereka.

Kutscha (1996) dan Fowler (1990) berpendapat kualiti latihan vokasional adalah faktor utama yang mempengaruhi motivasi graduan melanjutkan pengajian setelah menamatkan latihan. Menurut Kutscha (1996), latihan vokasional peringkat lanjutan adalah perlu kepada graduan bagi meningkatkan taraf ekonomi mereka dan seterusnya dapat bersaing dalam pekerjaan. Psacharopoulos (1997) dalam kajiannya mencadangkan seseorang perlu memperlengkapkan diri mereka dengan kemahiran tambahan apabila memasuki pasaran kerja. Tambahan pula perubahan teknologi telah memberi kesan kepada pembelajaran dan latihan di mana majikan mengharapkan pekerja mempunyai kemahiran yang sesuai dengan kehendak pekerjaan semasa (Bartel dan Sicherman, 1998).

2.8 Kesimpulan

Latihan vokasional dan teknikal dilihat sebagai topik utama yang telah diberi perhatian oleh kebanyakan negara-negara di serata dunia. Pembangunan dan penyelidikan yang berterusan oleh kajian-kajian lepas ke atas latihan vokasional telah menjadi agenda penting sebagai salah satu aset dalam menentukan kemajuan sektor perindustrian dan ekonomi sesebuah negara. Bab seterusnya akan membincangkan berkaitan senario latihan vokasional di Malaysia.

BAB 3 – SENARIO LATIHAN VOKASIONAL DI MALAYSIA

3.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan mengenai senario latihan vokasional di Malaysia iaitu meliputi pelaksanaan sistem latihan vokasional secara khususnya. Bab ini merangkumi sejarah dan latarbelakang, pembangunan latihan vokasional di Malaysia, peranan pihak kerajaan dalam menyediakan kemudahan latihan, tanggungjawab badan-badan persijilan bagi menyelia program-program latihan vokasional yang telah dilaksanakan dan peranan institusi latihan kemahiran sebagai institusi yang menyediakan kemudahan latihan dan melatih belia.

3.2 Sejarah dan Latarbelakang

Program latihan vokasional merupakan satu usaha penting dalam membekalkan pekerja-pekerja mahir kepada industri dan pembangunan negara. Sejarah pembangunan latihan vokasional di Malaysia yang diperolehi melalui dokumen Rancangan Malaysia telah menunjukkan program latihan vokasional telah diberikan perhatian serius oleh pihak kerajaan bermula sejak Rancangan Malaysia Pertama (1965-1970) sehingga kini. Sejurus selepas kemerdekaan, didapati negara telah mengalami lebih pekerja tidak terlatih dalam industri yang mana menjurus kepada pelaburan bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja mahir dalam pelbagai bidang (Kerajaan Malaysia, 1965). Sejak tahun-tahun awal kemerdekaan negara, institusi latihan vokasional telah mula diwujudkan. Bermula dengan penubuhan Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Kuala Lumpur di bawah Rancangan Malaysia Pertama (1965 – 1970) dan yang kedua di Prai pada tahun 1970 (Kerajaan Malaysia, 1971). Sebagai permulaan, bidang pembinaan merupakan salah satu kursus awal

yang ditawarkan oleh ILP di Kuala Lumpur dengan tujuan memenuhi keperluan industri pembinaan pada waktu tersebut.

Dalam Rancangan Malaysia Pertama juga, empat buah Institut Latihan Kemahiran MARA telah ditubuhkan di Melaka, Alor Setar (Kedah), Kuala Terengganu (Terengganu) dan Petaling Jaya (Selangor) (Kerajaan Malaysia, 1971). Fokus utama penubuhan Institut Latihan Kemahiran MARA adalah bagi menawarkan kursus di bidang perdagangan dan kemahiran kraftangan kepada kaum Melayu dan para belia secara umumnya.

Pembangunan ekonomi yang berterusan pada sekitar 1970-an telah menyebabkan masalah kekurangan pekerja mahir dan separuh mahir dalam pelbagai sektor pekerjaan. Program-program yang ditawarkan di institut latihan awam telah dikembangkan. Selain sekolah-sekolah yang berteraskan latihan teknikal, Institut Latihan Perindustrian dan Institut Kemahiran MARA terus memainkan peranan utama dalam membekalkan pekerja-pekerja sektor industri (Kerajaan Malaysia, 1981). Di samping itu, program latihan menerusi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan institut-institut lain turut diperkembangkan. (Kerajaan Malaysia, 1976). Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan menubuhkan Pusat Latihan Belia di Dusun Tua, Selangor yang menawarkan latihan kemahiran kepada belia-belia yang tidak bekerja. Pada penghujung Rancangan Malaysia Kedua, MARA telah mempunyai enam buah institut latihan kemahiran sementara dua buah lagi masih dalam pembinaan. Di dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971 – 1975), Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK) telah ditubuhkan di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dengan diwakili

oleh pihak kerajaan, industri dan pekerja dalam menilai dan mentauliah peringkat kemahiran yang dicapai oleh individu untuk memastikan ianya memenuhi piawaian pekerjaan yang telah ditetapkan (Kerajaan Malaysia, 1976). Sebagai permulaan, LLPPKK telah membangunkan 23 program pekerjaan industri peringkat asas, pertengahan dan tinggi.

Sebagai salah satu usaha merealisasikan matlamat mengatasi kekurangan tenaga kerja berkemahiran, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan pada tahun 1970 melalui Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) dengan sasaran membetulkan ketidakseimbangan sosial ekonomi yang wujud di Malaysia antara kaum-kaum. Melalui Dasar Ekonomi Baru, beberapa strategi pelaksanaan telah dirangka antaranya mewujudkan peluang pekerjaan untuk semua golongan rakyat dan memperbaiki taraf hidup rakyat melalui pelajaran, latihan, kemudahan infrastruktur dan lain-lain.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (1976 – 1980), kursus-kursus dan fasiliti sedia ada di ILP Kuala Lumpur dan ILP Prai terus dinaiktaraf, dengan tiga buah lagi ILP baru di Kuala Terengganu (Terengganu), Johor Bahru (Johor) dan Kota Kinabalu (Sabah) dalam proses pembinaan. (Kerajaan Malaysia, 1976). Di bawah Rancangan Malaysia Keempat (1981 – 1985), pihak kerajaan berpendapat penglibatan pihak swasta adalah penting dalam usaha melahirkan lebih ramai pekerja mahir dan separuh mahir (Kerajaan Malaysia, 1981). Jabatan Tenaga Kerja telah ditubuhkan sebagai langkah pihak kerajaan mewujudkan hubungan yang lebih rapat dan aktif dengan pihak-pihak swasta dalam menyediakan latihan kemahiran. Pada masa yang sama, tiga buah lagi ILP baru dan sebuah Institut Kemahiran MARA (IKM) telah ditubuhkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat (Kerajaan

Malaysia, 1986). Walaupun dengan pertambahan kadar lepasan latihan vokasional daripada institusi yang telah diwujudkan, namun masalah kekurangan pekerja mahir sektor industri dilihat terus berterusan. Justeru itu, langkah penambahbaikan telah diambil oleh institusi-institusi latihan kemahiran dengan mengkaji semula kurikulum dan penyusunan semula kursus-kursus yang ditawarkan bagi menyesuaikan dengan kehendak industri dan pasaran kerja.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima (1986 – 1990), peningkatan tahap latihan dan program Institut Kemahiran Lanjutan telah dikembangkan oleh ILP dan IKM seluruh negara (Kerajaan Malaysia, 1991). Lima buah lagi ILP (di Alor Gajah, Ipoh, Kota Bharu, Kuantan dan Melaka) dan 15 buah Pusat Giat MARA telah ditubuhkan. Sejar dengan langkah untuk menyediakan kursus-kursus peringkat lanjutan dan peningkatan latihan. Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah ditubuhkan dengan penawaran beberapa kursus bidang teknikal. Masalah kekurangan buruh dan tenaga kerja mahir merupakan antara isu utama yang diberi perhatian di bawah Rancangan Malaysia Kelima (Kerajaan Malaysia, 1986). Justeru, pihak kerajaan menjangkakan peranan yang lebih baik daripada institusi latihan kemahiran awam sedia ada. Selain itu, keberkesanan program latihan yang telah dilaksanakan turut diberi perhatian oleh kerajaan dengan cadangan lebih banyak kajian-kajian terhadap latihan vokasional dan keberkesanan program diadakan. Pihak kerajaan juga telah membuat pelarasan terhadap program latihan vokasional dengan menggalakkan kreativiti dan inovasi di institut bagi membolehkan lepasan mewujudkan peluang pekerjaan sendiri.

Pada tahun 1989, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) telah ditubuhkan bagi menggantikan LLPPKK (Kerajaan Malaysia, 1991). Menurut Tzannatos dan

Johnes (1997), pembangunan latihan vokasional di Malaysia mula dipertingkatkan dengan penubuhan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan, MLVK pada tahun 1989 (sekarang dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Kemahiran, JPK). MLVK berperanan dalam menyelia dan meningkatkan mutu latihan kemahiran di samping badan yang bertanggungjawab dalam pentauliahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Pada tahun 1991, kurikulum dan piawaian peperiksaan telah dibangunkan meliputi 35 program pekerjaan sektor industri dengan 3 peringkat pengajian iaitu asas, pertengahan dan tinggi. Walaupun pelbagai usaha telah dibuat bagi menggalakkan penglibatan pihak swasta dan pembangunan program latihan vokasional, maklumbalas yang diterima amatlah kurang.

Rancangan Malaysia Keenam (1991 – 1995) menyaksikan penubuhan sebilangan besar institusi kemahiran baru (Kerajaan Malaysia, 1996). Ianya dilihat sebagai titik perubahan penting kepada ekonomi Malaysia dalam usaha mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja. Pada era awal 1990-an, Malaysia merupakan negara yang mempunyai tahap peningkatan ekonomi yang tinggi di kalangan negara-negara Asia Tenggara (Mustapha dan Greenan, 2002). Sejarar dengan peningkatan ini, menurut Hee (1994) latihan vokasional dan teknikal di Malaysia telah mengalami perubahan bagi memenuhi permintaan pasaran terutamanya sektor industri dan pembuatan. Usaha untuk membawa teknologi luar telah dilakukan oleh pihak kerajaan dengan penubuhan institusi latihan kemahiran lanjutan dan tinggi dengan kerjasama negara-negara maju seperti Jerman (German – Malaysia Institute, GMI) pada tahun 1992. Perancis (Malaysia – France Institute, MFI) pada tahun 1995 dan Jepun (Japan – Malaysia Technical Institute, JMTI). Pada tahun 1990, pihak kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan (JKML) yang berfungsi sebagai penasihat kepada perubahan kepada struktur latihan kemahiran sedia ada

dan usaha menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan latihan kemahiran (Kerajaan Malaysia, 1991). Pandangan-pandangan yang diberikan oleh Jawatankuasa yang telah ditubuhkan mula dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Beberapa cadangan yang diutarakan termasuklah pemberian emolumen yang menarik, kelebihan dalam perkhidmatan dan insentif kepada pengajar-pengajar dalam usaha menarik minat dan mengekalkan mereka dalam sektor latihan vokasional. Setelah penggubalan program latihan sedia ada bersama pakar-pakar sektor industri, MLVK (Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan) telah memperkenalkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau lebih dikenali sebagai NOSS bagi menggantikan Piawaian Ketukangan Kebangsaan (PKK).

Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 – 2000) menyaksikan peningkatan program latihan vokasional terus dilaksanakan di Malaysia. Pada penghujung Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak 467 NOSS telah dibangunkan dalam pelbagai bidang (Kerajaan Malaysia, 2001). Pada tahun 1992, Tabung Pembangunan Sumber Manusia telah diwujudkan oleh pihak kerajaan bagi menggalakkan penglibatan pihak swasta dalam melatih dan memberi latihan kepada pekerja sektor industri. Selain itu, galakkan diberikan oleh pihak kerajaan kepada sektor korporat seperti Syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TMB) melalui penajaan dan usahasama mempertingkatkan pelaksanaan program latihan kemahiran.

Selaras dengan peranan latihan vokasional dalam pembangunan ekonomi semasa dan kepentingan latihan vokasional melahirkan pekerja-pekerja berkemahiran, Mustapha dan Greenan (2002) mencadangkan pihak kerajaan perlu mengekalkan